

## **BANK ISLAM RANGKUL ANUGERAH KATEGORI SUKUK KUASI BERDAULAT TERBAIK BAHARU DI ANUGERAH THE ASSET TRIPLE A 2021**

**KUALA LUMPUR, Jumaat [1 Oktober 2021]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") telah memenangi Anugerah Sukuk Kuasi Berdaulat Baharu Terbaik di Majlis Anugerah The Asset Triple A yang diadakan secara maya pada 15 September 2021. Anugerah ini mengiktiraf peranan Bank Islam sebagai Penasihat Prinsipal, Pengatur Utama, Pengurus Utama Bersama ("JLM") dan Penasihat Syariah untuk Sukuk Murabahah RM 1.1 bilion Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd ("Air Selangor").

Anugerah ini juga merupakan pengiktirafan keempat yang diterima Bank Islam di Anugerah Kewangan Islam The Asset Triple A. Pada tahun 2019, Bank ini telah memenangi Anugerah Tawaran Projek Kewangan Terbaik untuk peranannya sebagai JLM bagi Sukuk RM2.5 bilion DanaInfra. Untuk tahun berikutnya, Bank Islam telah menerima Anugerah Penyusunan Semula Terbaik bagi Sukuk Murabahah RM27.56 bilion Urusharta Jamaah. Bank Islam juga menerima Anugerah Sukuk Tenaga Boleh Diperbaharui-Hidro Terbaik untuk peranannya sebagai JLM bagi Sukuk SRI Hijau RM470 juta ASEAN Telekosang Hydro One.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Kami amat berbangga dan berterima kasih dengan kepercayaan dan keyakinan yang diberikan kepada kami. Anugerah ini mengiktiraf usaha Bank Islam untuk menggalakkan amalan kelestarian yang bertanggungjawab. Pencapaian ini turut mencerminkan komitmen kami dalam menyokong syarikat-syarikat terlibat serta menggalakkan penerapan standard ini sebagai amalan terbaik. Walaupun berdepan dengan cabaran pandemik, Bank terus fokus untuk menerapkan prinsip Syariah, Pengantaraan Berasaskan Nilai ("VBI") dan pertimbangan persekitaran, sosial dan tadbir urus ("ESG") yang baik untuk kelangsungan perniagaan pelanggan kami. Kami berhasrat untuk membantu lebih banyak projek berasaskan ESG pada masa hadapan bagi manfaat semua."

Air Selangor telah memuktamadkan penerbitan Sukuk sulung bernilai RM1.1 bilion pada 23 Disember 2020 di bawah Program Sukuk Murabahahnya. Sukuk Murabahah berkenaan merangkumi Program Nota Jangka Sederhana Islam selama 30 tahun dan Program Kertas Komersial Islam selama 7 tahun dengan gabungan had sehingga RM10.0 bilion dalam nilai nominal.

Hasil daripada penerbitan Sukuk ini boleh digunakan, antara lain, untuk membiayai perbelanjaan modal dan keperluan modal kerja Air Selangor serta pembayaran semula hutang-hutang sedia ada atau hutang patuh Syariah pada masa hadapan. Melalui Program Sukuk Murabahah, Air Selangor juga boleh menerbitkan Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab ("SRI") atau Sukuk Kelestarian Air Selangor untuk membiayai dan melabur dalam projek-projek pelaburan mampan dan bertanggungjawab.

Anugerah Kewangan Islam The Asset Triple A adalah antara anugerah industri paling berprestij dan telah menjadi salah satu anugerah khusus bidang kewangan global yang paling pesat berkembang dan berpotensi. Anugerah tersebut mengiktiraf bank-bank dan syarikat kewangan Islam terbaik serta tawaran-tawaran yang mencerminkan industri terbabit dalam tempoh yang dikaji.

Bank Islam juga telah meraih kejayaan dalam menyediakan penyelesaian perbankan digital untuk para pelanggan. Pada bulan Ogos tahun ini, Bank Islam telah merangkul tiga (3) anugerah di Anugerah Kecemerlangan e-Pembayaran Malaysia ("MEEA") 2021 bagi sumbangannya terhadap pertumbuhan ekosistem pembayaran elektronik (e-pembayaran) di Malaysia. Pengiktirafan ini adalah bagi kategori BankFPX Terbaik, Pemeroleh JomPAY Terbaik dan dan Pemeroleh FPX Terbaik (Bank). Pengiktirafan ini juga menandakan tahun ketiga berturut-turut Bank Islam diakui sebagai Bank FPX Terbaik.

MEEA dianjurkan setiap tahun oleh Payment Network Malaysia Sdn Bhd ("PayNet") bagi memperakui pencapaian cemerlang institusi perbankan, perniagaan dan agensi kerajaan yang telah membuat sumbangan penting ke arah kecemerlangan, inovasi dan pertumbuhan e-pembayaran di Malaysia.

Bank Islam Malaysia Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Keterangan lanjut mengenai siaran media ini, sila hubungi:

<b>Rohazida Mohamed</b> Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tel. bimbit: 012-231 8602 Emel: <a href="mailto:rozahidam@bankislam.com.my">rozahidam@bankislam.com.my</a>	<b>Omar Atin</b> Pengurus Kanan Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tel. bimbit: 019-391 9144 Emel: <a href="mailto:omar@bankislam.com.my">omar@bankislam.com.my</a>
---	---